



LAKARAN artis bagi projek KKCW.

Kegawatan tidak jejas sektor hartanah Sabah

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bhorizon.com.my

KEGAWATAN ekonomi global yang awalnya membimbangkan pemaju hartanah termasuk di Sabah, berikutan kemungkinan berlaku penurunan pasaran terutama kediaman mewah dan kos tinggi serta komersial dan industri, jelas memberi kesan sebaliknya menerusi perkembangan positif serta meyakinkan dalam pasaran semasa.

Ini terbukti menerusi kejayaan pemasaran kediaman dan bangunan komersial serta perindustrian keseluruhannya bernilai RM500 juta sempena Ekspo Hartanah Sabah 2009 (Propex 2009) anjuran Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sabah (Shareda) yang berlangsung di Pusat Dagangan Sabah (STC), Kota Kinabalu, awal bulan ini.

Jumlah berkenaan menyamai rekod ekspo tahun lalu ketika dunia mula dilanda



LAKARAN artis menunjukkan panorama KKCW apabila siap kelak.

krisis kewangan. Pameran kali ini menawarkan 5,000 unit kediaman iaitu 4,100 rumah dan 900 unit komersial dengan keseluruhannya bernilai RM2.2 bilion.

Daripada jumlah itu, sejumlah RM1.2 bilion adalah segmen kediaman manakala komersial dan perindustrian bernilai RM1 bilion.

Pembabitan beberapa bank dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada ekspo itu turut mengukuhkan

keyakinan pembeli untuk membuat pelaburan ketika pasaran mulai meyakinkan.

Presiden Shareda, Datuk Susan Wong Siew Guen, berkata hakikat tiada projek kediaman dan bangunan komersial serta perindustrian terbengkalai di Sabah ketika ini, membuktikan kegawatan ekonomi global tidak menggugat sektor hartanah.

Katanya, antara projek perumahan utama sedang dimajukan ialah Perumahan River

Park Rose Garden di Kinarut, Papar yang dimajukan Mega Sunwise Sdn Bhd.

"Syarikat itu memajukan 222 rumah teres dua tingkat bermotif keharmonian dengan setiap unit bernilai RM278,800 ke atas," katanya.

Pada masa sama, DBKK Holdings Sdn Bhd dan Sunsea Development Sdn Bhd, anak syarikat Waterfront Urban Development Sdn Bhd memajukan Kota Kinabalu City Waterfront (KKCW) bernilai RM500 juta.

Projek itu meliputi hartanah komersial bercampur merangkumi pusat beli-belah empat tingkat, suite kediaman dan hotel antarabangsa lima bintang di kawasan seluas 1.248 hektar atau sepanjang dua kilometer menghadap Laut China Selatan di Kota Kinabalu.

Wong berkata, anggota Shareda turut menyahut saranan kerajaan negeri supaya semua bangunan yang dibina di Sabah pada masa akan datang mematuhi garis panduan akreditasi



PENGUNJUNG Propex 2009 tertarik dengan model Kota Kinabalu City Waterfront.

Indeks Bangunan Hijau (GBI) Malaysia.

Katanya, peraturan itu bermatlamat membuat penarafan dan mengukur kelestarian

bangunan mengikut kesesuaian iklim serta persekitaran.

Cadangan itu dikemukakan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar

Sabah, Datuk Masidi Manjun, yang menyifatkan bangunan mesra alam dapat membantu mengimbangi ekosistem berkekalan.